

Warga masih konservatif tapi kian terbuka terhadap isu gay: Kajian IPS

Berita Harian, 03 May 2019

MASYARAKAT Singapura secara umumnya kekal bersikap konservatif namun terdapat sebilangan yang meningkat kini berpandangan lebih liberal mengenai isu gay.

Satu tinjauan Institut Kajian Dasar (IPS) tentang persepsi dan sikap terhadap isu sosial dan moral mendapati terdapat penerimaan lebih tinggi tentang seks sejenis dan perkahwinan sejenis, serta pengambilan anak angkat oleh pasangan sejenis berbanding tinjauan yang sama lima tahun lalu.

Keseluruhannya, lebih daripada 20 peratus daripada mereka yang ditinjau antara Ogos 2018 dengan Januari 2019 berpendapat hubungan seksual antara orang dewasa yang sama jantina sama sekali tidak salah atau kebanyakannya tidak salah, meningkat daripada kira-kira 10 peratus daripada mereka yang ditinjau pada tahun 2013, lapor *The Straits Times*.

Sekitar 27 peratus mempunyai pendirian yang sama tentang perkahwinan sejenis, meningkat daripada 15 peratus pada tahun 2013, dan 30 peratus mempunyai pandangan serupa tentang pasangan gay mengambil anak angkat, meningkat daripada 24 peratus pada tahun 2013.

Dikeluarkan oleh IPS semalam, penemuan itu adalah sebahagian daripada kajian IPS yang lebih luas mengenai bangsa, bahasa dan agama, serta penelitian lebih mendalam tentang jurang konservatif-liberal mengenai isu moral, sosial dan politik.

Lebih 4,000 penduduk Singapura diminta memberi pandangan mengenai pelbagai isu dengan memilih sama ada "tidak salah sama sekali", "tidak salah pada kebanyakan masa", "kadang-kadang salah", "hampir selalu salah" atau "sentiasa salah".

Jumlah yang sama ditinjau pada 2013.

Secara umum, warga kian kurang konservatif terhadap isu moral di Singapura, bukan hanya menunjukkan pendirian yang kurang menentang hak gay, tetapi juga seks sebelum perkahwinan dan bersekedudukan, kata pengkaji kajian itu, zamil penyelidik kanan IPS, Dr Mathew Mathews; penyelidik bersekutu Encik Leonard Lim, dan pembantu penyelidik Cik Shanthini Selvarajan.

Perubahan paling ketara adalah mengenai hak homoseksual, biarpun, ia mencerminkan trend antarabangsa di negara seperti Amerika Syarikat di mana terdapat desakan lebih lantang oleh kumpulan lesbian, gay, biseksual, transgender dan queer (LGBTQ).

Membandingkan dapatan tinjauan 2018 dengan 2013, perubahan sikap terhadap isu ini lebih jelas dalam kalangan remaja.

Sebagai contoh, dalam tinjauan terkini kira-kira separuh daripada mereka yang berumur antara 18 dengan 25 tahun tidak memandang serong terhadap seks sejenis dalam kalangan orang dewasa.

Sebagai perbandingan, kira-kira 20 peratus dalam kumpulan umur yang sama mempunyai pandangan serupa dalam tinjauan sebelum ini.

Antara responden yang berusia 65 tahun ke atas, hanya kira-kira 10 peratus mengatakan seks sejenis tidak salah pada tahun 2018, walaupun jumlah ini telah meningkat daripada kira-kira 3 peratus pada tahun 2013.

Perbezaan ini antara yang muda dan tua juga dicerminkan dalam kalangan orang Kristian dan Muslim yang ditinjau, dengan Kristian dan Muslim lebih muda kurang konservatif daripada rakan-rakan mereka yang lebih tua.

Tinjauan itu juga mendapati bahawa penganut Kristian dan Muslim lebih konservatif terhadap hak gay, berbanding dengan penganut agama lain.

Walaupun wujud penerimaan hak-hak gay yang lebih tinggi, masyarakat terus bersikap konservatif, kata para penyelidik, menukil pandangan orang ramai mengenai perjudian dan kecurangan.